



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN**  
**KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH**  
**KARBON 2025**

**12 FEBRUARI 2026 ( KHAMIS) | 11.00**

**PAGI**

**HILTON KUALA LUMPUR**

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia  
MADANI.

1. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi yang penuh bermakna ini bagi meraikan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 atau Low Carbon Cities (LCC) Awards 2025.
2. Kehadiran kita di sini bukan sekadar memenuhi protokol majlis, tetapi merupakan manifestasi komitmen kolektif kita dalam mengiktiraf usaha luar biasa yang telah dipamerkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), organisasi awam, serta pemain industri

dalam mentransformasikan landskap bandar kita ke arah masa depan yang lebih hijau dan lestari.

3. Bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir. Tahun 2026 ini merupakan tahun ke-12 LCC Awards diadakan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2013.
  
4. Sepanjang tempoh ini, kita telah melihat satu evolusi yang sangat membanggakan dalam kesedaran sektor awam dan swasta terhadap kepentingan agenda rendah karbon. Lonjakan bilangan penyertaan pada setiap tahun membuktikan bahawa

inisiatif ini bukan lagi sekadar pilihan, tetapi telah menjadi satu keperluan dalam tadbir urus bandar moden.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,  
CABARAN IKLIM DAN PERANAN  
KRITIKAL BANDAR**

5. Bandar-bandar di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, kini berada di barisan hadapan dalam menghadapi krisis iklim. Berdasarkan penilaian saintifik yang terkini, pemanasan global terus meningkat secara membimbangkan akibat pengumpulan gas rumah kaca (GHG). Sehingga tahun 2024, suhu purata global telah meningkat lebih Satu Perpuuluh Satu darjah Celcius ( $1.1^{\circ}\text{C}$ ) berbanding

paras pra-industri, yang bermakna kita semakin menghampiri ambang kritikal Satu Perpuluhan Lima Darjah Celcius ( $1.5^{\circ}\text{C}$ ) yang ditetapkan dalam Perjanjian Paris.

6. Statistik menunjukkan bahawa sektor tenaga merupakan penyumbang utama kepada pelepasan GHG, iaitu sekitar Tujuh Puluh Peratus (70%) hingga Tujuh Puluh Lapan Peratus (78%). Apa yang lebih mencabar ialah hakikat bahawa lebih Tujuh Puluh Peratus (70%) daripada pelepasan tersebut tertumpu di kawasan bandar. Justeru, bandar-bandar yang sedang pesat membangun, khususnya di rantau Asia, tidak mempunyai pilihan selain segera beralih kepada teknologi

hijau dan meningkatkan daya tahan terhadap risiko perubahan iklim yang semakin tidak menentu.

7. Transformasi ini memerlukan pendekatan menyeluruh atau whole-of-nation approach. Tanggungjawab ini perlu dipikul bersama oleh pembuat dasar, pemain industri, organisasi masyarakat sivil (CSOs), dan juga peringkat akar umbi. Kita memerlukan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi yang bersepadu, yang merangkumi pengurusan sumber yang cekap serta perancangan strategik jangka panjang. Langkah-langkah seperti penghijauan bandar dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi (nature-based solutions) adalah

kritikal untuk mengurangkan kesan pulau haba bandar serta meningkatkan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan.

**Tuan-tuan dan puan-puan,  
KOMITMEN MALAYSIA DI PERINGKAT  
ANTARABANGSA (NDC 3.0)**

8. Sebagai negara ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) sejak Julai 1994, Malaysia sentiasa konsisten dalam mematuhi obligasi antarabangsa. Kita telah menandatangani Perjanjian Paris pada April 2016 dan meratifikasikannya pada November tahun yang sama. Komitmen ini

diperkukuhkan lagi melalui penyerahan Malaysia's Third Nationally Determined Contributions (NDC 3.0) kepada UNFCCC pada 24 Oktober 2025 yang lalu.

9. Melalui NDC 3.0, Kerajaan Malaysia MADANI telah meletakkan sasaran yang lebih ambisius. Kita komited untuk mengurangkan pelepasan GHG secara mutlak sebanyak Lima Belas Juta (15 juta) hingga Tiga Puluh Juta (30 juta) tan karbon dioksida setara menjelang tahun 2035. Daripada sasaran ini:

- I. 20 juta tan akan dikurangkan melalui usaha domestik tanpa syarat.

- II. Tambahan 10 juta tan lagi tertakluk kepada sokongan antarabangsa dari segi pembiayaan dan pemindahan teknologi.
10. Sasaran NDC 3.0 ini adalah "batu loncatan" penting untuk menyokong aspirasi negara mencapai pelepasan GHG sifar bersih menjelang tahun 2050. Ia juga memperkukuh dasar-dasar sedia ada seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Strategi Jangka Masa Panjang Pelepasan Rendah Karbon (LT-LEDS). Melalui langkah-langkah proaktif ini, Malaysia menghantar isyarat jelas kepada komuniti antarabangsa

bahawa kita adalah rakan global yang bertanggungjawab dalam menangani krisis iklim dunia.

**Tuan-tuan dan puan-puan,  
PEMERKASAAN PERUNDANGAN DAN  
DASAR TEMPATAN**

11. Bagi memastikan sasaran NDC 3.0 ini tercapai, NRES kini berada di peringkat akhir untuk membentangkan dua perundangan utama iaitu Rang Undang-Undang Perubahan Iklim (RUUPIN) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Perubahan Iklim Negara (RUUIKLIM).

12. Kedua-dua RUU ini akan memastikan agenda perubahan iklim dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui kerangka undang-undang yang jelas. Selain itu, kita juga akan memperkenalkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) untuk memperkukuhkan ekosistem pasaran karbon di Malaysia, memandangkan permintaan global terhadap kredit karbon yang semakin meningkat. Dasar ini bertujuan memudah cara urus niaga kredit karbon sambil tetap melindungi kepentingan kedaulatan negara.

13. Di peringkat nasional, NRES menyasarkan pewujudan Dua Ratus (200) Zon Rendah Karbon di seluruh negara menjelang tahun 2030. Usaha ini telah bermula sejak pengenalan Low Carbon Cities Framework (LCCF) pada 2011 dan diperkasakan melalui National Low Carbon Cities Masterplan (NLCCM) pada 2021. Setakat ini, sebanyak Seratus Empat Puluh Enam (146) daripada Seratus Lima Puluh Enam (156) PBT telah menerima latihan berkaitan, dan Tujuh Puluh (70) PBT telah pun memulakan pelaksanaan penyelesaian rendah karbon di kawasan masing-masing.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**  
**PENCAPAIAN DAN ANALISIS IMPAK 2025**

14. Keberkesanan inisiatif kita boleh diukur melalui data yang nyata. Berdasarkan audit oleh pihak Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon sepanjang tahun 2025 telah mencatatkan pencapaian yang membanggakan antaranya:

- I. Pengurangan pelepasan GHG lebih Tiga Ratus Dua Puluh Empat Ribu tan (324,073.84 tan) karbon dioksida setara.

II. Jumlah penyerapan karbon (carbon sequestration) melebihi 80 ribu tan (80,837.06 tan) karbon dioksida.

15. Impak ini bersamaan dengan penanaman Sepuluh Perpuhan Satu Dua Juta (10.12 juta) batang pokok matang atau penyingkiran Lapan Puluh Tujuh Ribu Enam Ratus Lima Puluh (87,650) buah kereta dari jalan raya dalam tempoh setahun. Pencapaian ini membuktikan bahawa setiap langkah kecil yang diambil di peringkat PBT memberikan sumbangan yang amat besar kepada kelestarian nasional.

16. Oleh itu, bagi edisi tahun 2025, saya dengan sukacitanya mengumumkan penganugerahan bagi kategori berikut:
- I. 164 Pengiktirafan Diamond kepada PBT dan rakan kongsi atas pencapaian sebenar pengurangan pelepasan GHG.
  - II. 4 Pengiktirafan Reka Bentuk Diamond bagi projek yang mempunyai potensi besar pengurangan karbon bermula dari peringkat reka bentuk.
  - III. 6 Anugerah Khas yang akan kita umumkan di penghujung majlis ini.

17. Saya ingin memberikan penghargaan khusus kepada PBT-PBT dari Selangor, Johor, Melaka, Pahang, dan Kedah yang sentiasa aktif dan konsisten. Saya juga bangga melihat penglibatan yang semakin meningkat daripada PBT di Sabah dan Sarawak.
  
18. Saya berharap negeri-negeri lain akan turut serta dalam momentum ini supaya menjelang 2030, transformasi bandar rendah karbon ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh pelosok Malaysia.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**  
**PENUTUP: AMANAH UNTUK GENERASI**  
**MASA HADAPAN**

19. Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sekretariat NRES, MGTC, ahli jawatankuasa, serta panel penilai program Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C) atas dedikasi anda semua.
  
20. Sesungguhnya, usaha menjaga kelestarian alam ini adalah satu amanah yang perlu kita galas bersama. Apa yang kita lakukan hari ini akan menentukan kualiti hidup yang bakal diwarisi oleh generasi akan datang.

21. Marilah kita terus sepakat dan komited dalam memperkukuhkan agenda pembangunan mampan demi kesejahteraan negara dan masyarakat Malaysia MADANI.

Sekian dan Terima Kasih.